



Kuasa maritim China di rantau Asia: Satu analisis

Noraini Zulkifli¹, Sharifah Munirah Alatas¹, Zarina Othman¹

¹Program of International Relation and Strategy, Department of History, Politic and Strategy, National University of Malaysia, 43600 Bangi , Selangor

Correspondence: Noraini Zulkifli (email: ketika_kubersujud@yahoo.com)

Abstrak

Kebangkitan tentera laut China sering kali dipamerkan sebagai satu kuasa yang ingin menakluk wilayah maritim lain. Lebih daripada itu pemodenan aset yang telah dilakukan oleh negara tersebut juga sering kali dirujuk sebagai kebangkitan yang bersifat ingin mendominasi dan menjadi kuasa unipolar di Asia. Namun sejauh manakah kebangkitan dan permodenan ketenteraan China itu memberikan kesan negatif kepada negara lain? Dengan menggunakan data primer dan sekunder tahun 2001-2014, kajian ini meneliti sebab China memodenkan aset ketenteraannya dan tentera lautnya di sekitar rantau Asia. Data primer dikumpulkan melalui temu bual berstruktur dengan informan yang mempunyai pengkhususan dalam bidang hubungan antarabangsa. Data sekunder pula dikumpul daripada kajian perpustakaan berdasarkan bahan ilmiah, tesis, artikel jurnal, atau data atas talian . Hasil analisis menunjukkan bahawa kebangkitan dan pemodenan aset ketenteraan laut China adalah untuk menjaga kepentingan nasionalnya. China juga tidak mempunyai cita-cita untuk menjadi kuasa unipolar di Asia apatah lagi di dunia.

Katakunci: China, ekonomi, kepentingan nasional, ketenteraan, strategi *String of Pearls*, unipolar

China's maritime power in Asia: An analysis

Abstract

The Chinese naval power is often portrayed as a force which wants to conquer other maritime provinces. More than that military asset modernization by China was often cited as another pointer to the country's intent to dominate and become a unipolar power in Asia. But to what extent does the rise and the modernization of the Chinese military bear negative implications to other countries? Using primary and secondary data between 2001 and 2014, this study examined the reasons for both the modernization of the Chinese navy and that of its assets in the Asian region. The primary data were collected from structured interviews involving informants specialized in international relations. Secondary data were collected from scientific material, theses, journal articles, or online data. The findings revealed that China modernize its naval assets mainly to secure its national interests. China has no ambition to be a unipolar power in Asia or the world.

Keywords: China, naval assets, national interests, military, String of Pearls, unipolar power

Pengenalan

China yang merupakan sebuah negara yang terletak di rantau Asia Timur, mula memberi perhatian kepada penambahbaikan dalam bidang ketenteraan sejak tahun 1970-an selepas bermulanya reformasi ekonomi pada tahun 1978. Tahun 1980-an memperlihatkan China mula menunjukkan minat untuk

meningkatkan kecekapan tentera lautnya daripada hanya menjaga perairan pantai kepada tentera laut yang bersifat regional (Murray, Berglund & Hsu, 2013). Pada tahun 1990-an, China kurang memberi perhatian kepada penambahbaikan aset ketenteraan kerana dunia masih bergelut dengan krisis kewangan, tetapi memberi bantuan untuk mengatasi masalah seperti ancaman transnational dan pelanunan yang semakin menjadi-jadi (Pumphrey, 2002). Bermula tahun 2000 (juga dikenali sebagai pemodenan ketenteraan tahap empat), China memulakan pemodenan ketenteraan dan aset terutamanya aset laut secara besar-besaran rentetan daripada beberapa peristiwa yang berlaku di dalam dan luar negara. Langkah ini menimbulkan kekuatiran kepada banyak negara termasuk kuasa besar seperti Amerika Syarikat (AS), Australia dan Jepun. Persoalan yang sering diketengahkan adalah, sama ada pemodenan tentera membolehkan China menyaingi hegemoni kuasa negara maju dan seterusnya menggunakan pemodenan tersebut bagi tujuan meluaskan pengaruh, atau hanya bagi tujuan pertahanan bagi melindungi ekonominya yang kian maju.

Artikel ini mempunyai dua objektif, iaitu untuk: 1) menerangkan sebab pemodenan aset ketenteraan laut China; 2) menganalisis pemodenan tentera laut China. Kajian ini menggunakan data sekunder dan juga data primer. Data sekunder dikumpul daripada kajian perpustakaan berdasarkan bahan ilmiah, tesis, artikel jurnal, atau data atas talian yang diakses dari dalam serta luar negara. Manakala data primer pula dikumpulkan melalui temu bual berstruktur yang melibatkan 10 informan yang mempunyai pengkhususan dalam bidang Hubungan Antarabangsa, ketenteraan dan maritim yang berada di Malaysia dan juga luar negara. Pemilihan informan dibuat berdasarkan kepakaran serta pengalaman mereka yang luas di dalam bidang yang dikaji. Antara informan yang ditemu bual adalah Prof Dr Vivian Forbes (MIMA), Prof Sato (Obirin University), Dr Li Ming Jian (RSIS) dan Dr Ian Storey (RSIS). Persoalan utama yang ditanyakan kepada informan adalah sejauh mana permodenan ketenteraan laut China memberikan kesan kepada negara lain terutama negara besar seperti USA dan Jepun. Ini kerana Jepun sebagai negara jiran dan mempunyai sejarah peperangan dengan China tentunya tertekan dengan permodenan negara tersebut. Manakala USA sebagai negara kuasa besar yang sememangnya sering bersikap prejudis terhadap China melihat permodenan ini sebagai suatu langkah yang bertujuan negatif. Persoalan lain yang turut ditanyakan adalah, mengapakah permodenan ketenteraan China dipandang sebagai satu masalah besar sedangkan negara-negara Dunia Pertama juga telah lama memodenkan aset masing-masing dan ia tidak pernah menjadi isu kepada negara lain.

Pemodenan aset ketenteraan China


Terdapat beberapa kemungkinan yang menyebabkan negara China memodenkan aset maritimnya. Sebab-sebab tersebut dijelaskan sebagai berikut.

Ekonomi

China telah bangkit dengan memperlihatkan pembangunan ekonomi yang pesat sehingga telah mengatasi negara Jepun sebagai kuasa ekonomi di Asia pada tahun 2010. Selepas membuka pasarnya pada akhir 1970-an, ekonomi China terus menunjukkan pertumbuhan yang mapan (Monakaran et al., 2015). Malah selepas menyertai World Trade Organization (WTO) pada 2001, ekonomi negara China terus berkembang sehingga berjaya menjadi pilihan negara-negara barat untuk melabur dan membina kilang pengeluaran. Walaupun mempunyai bekalan sumber tenaga fosilnya sendiri namun negara China masih lagi mengimport petroleum dan gas asli dari luar. Jumlah import bahan tenaga tersebut masing-masing adalah 85 peratus dan 80 peratus khususnya dari negara seperti di Timur Tengah yang diangkut dengan kapal melalui Selat Melaka (Umaña, 2012). Permintaan terhadap sumber tenaga petroleum dan gas asli sangat tinggi akibat perkembangan ekonominya yang sangat pesat. Pada tahun 2009, China memerlukan sebanyak 8.3 juta bb/d sumber tenaga. Tetapi negara tersebut hanya mampu memenuhi keperluan dalam negara dengan menghasilkan 4.0 juta bb/d sahaja. Disebabkan keperluan yang begitu banyak, China telah mengimport sebanyak 4.5 juta bb/d sumber tenaga dari luar (EIA, 2011).

Perpindahan pusat ekonomi di Asia dari Jepun ke China telah menjadikan China sebagai sebuah hub perdagangan dan perhubungan yang penting di dunia (Ahn, 2004). Keadaan ini telah menggalakkan kemasukan pelabur luar ke dalam negara. Pelaburan di China menjadi lebih mudah kerana negara itu mula mengamalkan dasar pintu terbuka dengan mengalu-alukan kemasukan pelabur dan membenarkan mereka membuka kilang serta pusat operasi. Kemasukan pelabur yang ramai di dalam beberapa sektor utama seperti pembuatan dan perkhidmatan, menyebabkan permintaan terhadap sumber tenaga meningkat setiap tahun. Pertumbuhan ekonomi China yang mapan dalam tempoh 30 tahun telah membawa negara tersebut ke satu tahap yang sangat membanggakan, iaitu menjadi sebuah kuasa dunia yang mempunyai kedua-dua kekuatan ekonomi dan ketenteraan yang belum pernah berlaku di dalam sejarah dunia moden (Patel, 2009). China bukan hanya mampu keluar daripada kepompong kemiskinan negaranya tetapi telah membuka mata masyarakat dunia bahawa tidak mustahil sebuah negara yang dahulunya terasing untuk bangkit dan seterusnya menyerlah sebagai kuasa dunia.

Pengimportan bahan sumber tenaga secara besar-besaran dilakukan untuk memenuhi keperluan dalam negara. Keperluan tenaga China diperolehi dari pelbagai negara di Afrika, Timur Tengah dan Asia Tenggara (Lai, 2007). Antara negara yang mengeksport minyak ke China adalah Angola, Sudan, Congo, Gabon, Venezuela, Arab Saudi, Iran, Yemen, Oman, Indonesia, Brunei dan Malaysia. Peningkatan permintaan terhadap sumber tenaga import ini telah menyebabkan China terpaksa bergantung kepada laluan di Selat Melaka. Presiden China, Hu Jintuo menganggap kebergantungan ini sebagai *Malacca dilemma* (Chen, 2010). Ini kerana laluan Selat Melaka sebenarnya tidak selamat kepada China. Sekiranya berlaku sesuatu pertikaian di laluan tersebut sehingga mengancam keselamatan maritim atau sekatan (*blockade*) dari mana-mana pihak, bekalan tenaga ke negara China sudah pasti akan terjejas (Rajah 1).



Sumber: Diubahsuai dari Laporan Tahunan AS Defense Department 2007

Rajah 1. Laluan bekalan sumber tenaga China

Rajah 1 menunjukkan laluan pengangkutan sumber tenaga negara China dari Timur tengah dan negara-negara Afrika melalui Lautan Hindi, Selat Melaka dan Laut China Selatan sebelum sampai ke

negara tersebut. Permintaan yang tinggi terhadap sumber tenaga telah menyebabkan China terpaksa mengubah strategi dan polisi luar negaranya. Disebabkan hal ini, China mengambil langkah untuk meningkatkan tahap keselamatan di sepanjang laluan maritim antarabangsa terutama di Selat Melaka. Disebabkan faktor ini juga, negara China pernah menawarkan bantuan serta kerjasama berbentuk ketenteraan kepada negara-negara pesisir (DoD, 2007). Walaupun Selat Melaka merupakan selat yang sering digunakan tetapi laluan alternatif seperti Selat Sunda dan Selat Lombok masih turut digunakan untuk membawa barang VLCC (*Very Large Crude Carriers*).


Negara China memiliki jumlah penduduk yang ramai. Oleh itu pemerintah China perlu menyusun strategi dari segi keperluan memenuhi sumber makanan serta pekerjaan yang mencukupi supaya rakyatnya dapat menjalani kehidupan harian yang selesa dan seterusnya merendahkan risiko penentangan. Pembangunan ekonomi yang pesat merupakan strategi yang ampuh bagi tujuan tersebut. Sebaliknya kejatuhan ekonomi bukan sahaja menjelaskan keadaan dalam negara China, malah kesannya boleh turut menimbulkan kebimbangan kepada banyak negara lain terutama negara yang sedang membangun. Zhou (2008) berpendapat kebangkitan ekonomi China tidak perlu ditakuti oleh negara-negara lain terutama AS dan Jepun kerana kebangkitannya dari sudut ekonomi adalah untuk menjamin keperluan rakyatnya. Pada masa kini, banyak syarikat asing melabur dan membangunkan kilang pembuatan dan pemprosesan di negara China disebabkan oleh penawaran tenaga kerja yang murah. Syarikat asing ini amat bergantung kepada kestabilan ekonomi China. Jika ekonomi China jatuh, sudah tentu akan berlaku kegawatan kepada ekonomi dunia. Ini kerana, China merupakan antara penyumbang terbesar ekonomi dunia.

Kestabilan ekonomi China banyak bergantung kepada keberterusan bekalan sumber tenaga dari luar. Pergantungan sepenuhnya terhadap sumber tenaga dari luar pula bukanlah pilihan yang terbaik dan selamat. Ini kerana harga minyak berubah-ubah, malah persaingan dalam mendapatkan bekalan sumber tenaga dari negara pengekspor juga sangat sengit. Oleh itu, dasar luar China telah banyak berubah bagi menyesuaikan dengan keadaan persekitaran sistemik antarabangsa (Yu, 2008) yang sebahagiannya merupakan strategi utama untuk mengawal bekalan sumber tenaga dari luar.

Keselamatan maritim untuk mencegah aktiviti jenayah di lautan (crime at sea)

Faktor keselamatan maritim terutamanya sewaktu melalui Selat Melaka merupakan perkara yang diberi perhatian oleh China. Ini kerana ia mampu mengancam keselamatan kapal dan kelasi serta muatan kargo yang dibawa. Ancaman maritim seperti rompakan, pelanunan dan teroris adalah antara masalah yang boleh membawa kepada kekurangan penawaran sumber tenaga dan seterusnya boleh melumpuhkan ekonomi China. Oleh itu usaha mencegah daripada berlakunya kejadian ini adalah lebih baik untuk mengurangkan risiko kerugian yang menjelaskan ekonomi negara, malah dunia. Beberapa kawasan berisiko keselamatan (Betanda bintang), di kenal pasti di Selat Melaka (Rajah 2).

Selepas World Trade Center (WTC) di AS diserang pada 11 September 2001, banyak negara mula berhati-hati dengan serangan teroris ini. Keselamatan maritim juga dipertingkatkan di semua laluan yang berpotensi diserang. Pada tahun 2006, Lloyd of London menyenaraikan Selat Melaka sebagai kawasan yang berisiko diserang teroris (Weitz, 2008). Hal ini menyebabkan China sebagai antara negara pengguna tegar Selat Melaka merasa bertanggungjawab membantu negara pesisir untuk menjaga laluan ini. Ancaman jenayah maritim pada masa kini adakalanya tidak dapat dijangka dengan tepat kerana kecanggihan teknologi seiring dengan peningkatan tahap penggunaan teknologi baharu oleh penjenayah sehingga menyebabkan risiko diserang adalah tinggi. Contohnya pada tahun 2002, kapal MT Nautical Kluang (Malaysia) yang membawa minyak diesel telah diserang berdekatan dengan Pulau Iyu (Selatan Selat Melaka) oleh penyerang bersenjata menggunakan bot laju bersenjatakan senapang dan pisau manakala pada tahun 2005 pula, Kapal Suhaila membawa barang kimia telah diserang di timur Aceh oleh penyerang yang menggunakan AK47 rifle (Sabirin, 2007). Ini menunjukkan terdapat kelompongan dalam kawalan keselamatan di beberapa lokasi utama di Selat Melaka. Titik-titik hitam keselamatan ini dikatakan kurang diberi perhatian oleh negara pesisir.



Sumber: Diubahsuai daripada WWW.Middlebury.edu (2013)

Rajah 2. Laluan strategik kapal China di sekitar Selat Melaka

Jika berlaku serangan di kawasan utara Selat Melaka, China sebenarnya masih boleh menggunakan laluan alternatif, iaitu Selat Sunda dan Selat Lombok. Tetapi ia akan menambahkan kos dan masa perjalanan. Oleh itu untuk lebih efektif, laluan Selat Melaka harus dijaga supaya kejadian yang tidak diingini boleh dielakkan. Pada tahun 2002, sebanyak 16 kes serangan telah dicatatkan dan ia berkurang menjadi 12 kes serangan pada tahun 2005 (Jabatan Laut, 2013). Keadaan ini sebenarnya menunjukkan adanya unsur ancaman walaupun jumlahnya sangat kecil (sekitar 0.025 peratus) tetapi ia melibatkan kerugian harta benda dan mungkin kehilangan nyawa. Jenayah maritim yang berlaku telah memberi kesan kepada industri perkapalan dan seterusnya ekonomi China kerana ia menyebabkan kelewatan di dalam penghantaran sumber, peningkatan premium insuran, penangguhan jadual pelayaran, kecurian kapal kargo serta akan meningkatkan aktiviti rasuah.

Pembaharuan aset maritim lama yang tidak menepati keperluan semasa (Prosedur biasa semua negara)

China memulakan pemodenan aset ketenteraan lautnya seiring dengan kemodenan abad ke-21. Jika sebelum ini China tidak melihat kepentingan untuk meningkatkan tahap kecanggihan dan kecekapan armadanya, namun selepas berlaku perkembangan dalam ekonomi serta peningkatan ancaman maritim terhadap kapal dagang, China mula mengambil langkah untuk mencegah dan menghalang kejadian serupa berulang. Oleh itu kerajaan China memulakan aktiviti pemodenan serta peningkatan keupayaan aset tentera lautnya. Ini kerana peningkatan masalah maritim dan isu persempadanan di kawasan Laut China Selatan telah menyebabkan pasukan tentera laut China menggandakan operasi mengawal wilayah lautnya. Tidak hanya menggerakkan aset laut seperti kapal, pasukan tentera laut, China juga menggunakan aset udara seperti helikopter untuk memastikan tiada pencerobohan sempadan berlaku. Menurut Kazianis (2013), China mampu untuk membiayai aktiviti ketenteraan kerana ia telah mencapai kemajuan yang pesat di dalam ekonominya. China telah menjadi pusat ekonomi Asia menggantikan Jepun pada 2010 dan pada 2014, ekonomi negara itu adalah yang kedua yang terbesar di dunia berdasarkan kepada keluaran negara kasarnya (http://money.cnn.com/news/economy/world_economies_gdp/).

Jadual 1 menunjukkan perbelanjaan secara keseluruhan negara China bagi tujuan pembiayaan ketenteraannya. Untuk tempoh sepuluh tahun bermula 2004, berlaku peningkatan bajet ketenteraan China. Peningkatan ini didorong oleh perkembangan ekonomi China yang pesat serta polisi kerajaan China yang

ingin memodenkan aset ketenteraannya. Pada 2004, China hanya membelanjakan sejumlah 206.5 bilion Yuan tetapi selepas lima tahun jumlah itu meningkat dua kali ganda menjadi 417.8 bilion Yuan. Pada tahun 2013, jumlah tersebut menjadi 720.2 bilion Yuan, iaitu kenaikan hampir 1½ ganda daripada tempoh lima tahun sebelumnya.

Perbelanjaan untuk aktiviti ketenteraan yang agak besar dengan kadar peningkatan setiap tahun yang ketara menyebabkan banyak pihak mula sangsi dengan pemodenan aset ketenteraan China. Namun kesangsian ini disanggah oleh Presiden China Li Keqiang yang dipetik sebagai berkata:

“Strengthen research on national defense and the development of new and high technology weapons and equipment” and “enhance border, coastal and air defenses”

(FT Chinese Network, 2014)

Jadual 1. Pembiayaan untuk ketenteraan China tahun 2004 - 2014

Tahun	Pembiayaan Ketenteraan (Keseluruhan) Yuan (USD) Bilion
2014	808.2 (131.6)
2013	720.2 (114.3)
2012	670.0 (106.0)
2011	601.0 (91.5)
2010	532.1 (77.9)
2009	480.7 (70.3)
2008	417.8 (57.2)
2007	350.9 (45.0)
2006	280.0 (35.3)
2005	247.7 (29.9)
2004	206.5 (25.0)

Sumber: globalsecurity.org (2014)

Kerajaan China berpendapat sudah tentu banyak perbelanjaan harus dikeluarkan untuk aktiviti penyelidikan dan pembangunan kerana China juga cuba membangunkan beberapa teknologi yang bermanfaat untuk jangka masa panjang. Perbelanjaan pertahanan China adalah yang kedua terbesar di dunia selepas Amerika Syarikat (Bitzinger, 2015). China pada ketika ini telah mempunyai lebih daripada 300 buah kapal pelbagai guna, kapal selam, bot amfibia serta bot pemintas. Ia juga dalam usaha untuk menambahkan bilangan kapal pelbagai-misi (*multipurpose ships*) dengan kemudahan anti peluru berpandu dan sensor pengesan anti-kapal selam (US DoD, 2015). Malah kejayaan membina kapal pengangkut pesawat (*aircraft carrier-Liaoning*) menunjukkan bahawa China sememangnya bersungguh-sungguh membangunkan aset pertahanan lautnya. Walaupun keupayaan *Liaoning* tidaklah setanding dengan kapal pengangkut pesawat Amerika Syarikat-NIMITZ-class, namun ia merupakan kesungguhan usaha serta komitmen kerajaan China dalam bidang berkenaan. Secara tidak langsung ini menunjukkan betapa negara tersebut bersungguh-sungguh untuk membentuk semula satu pasukan yang lebih konsisten dan maju selaras dengan perubahan aspek keselamatan maritim pada masa ini.

Kedaulatan wilayah dan sempadan

Sebagai sebuah negara yang berdaulat dan mempunyai sejarah peperangan yang panjang, China dilihat lebih menjaga kawasan yang diyakini sebagai wilayahnya. Oleh yang demikian, China mempertingkatkan keupayaan tentera laut bagi menjaga kawasan perairan serta sempadan maritimnya (Rajah 3). Li Keqiang dalam satu ucapan menyatakan pendiriannya bahawa:

"We will resolutely safeguard China's sovereignty, security and development interests. The PLA would develop high technology weapons and turn China into a strong maritime nation"
(South China Morning Post, 2014)

Rajah 3 menunjukkan tiga wilayah utama yang menempatkan tentera laut China dan aset-asetnya, iaitu di Quangzhou (Selatan), Dinghai (Timur) dan Qingdao (Utara). China menetapkan tiga wilayah ini sebagai pengkalan tentera laut untuk melindungi perairan serta perbatasan maritim negaranya.



Sumber: CSIS 2013

Rajah 3. Kedudukan pasukan tentera laut China berdasarkan kepada wilayah

Terdapat beberapa kepulauan yang status pemilikannya dipertikaikan serta menjadi punca ketegangan di antara China dan beberapa negara jiran. Kepulauan tersebut termasuklah Spratlay, Senkaku, Diaoyu dan Scarborough Shoal. China bertegas bahawa mereka mempunyai hak terhadap kesemua kawasan tersebut berdasarkan kepada bukti sejarah. Pertindihan sempadan dan pertikaian wilayah menjadi sebab utama China memodenkan aset tentera lautnya supaya kekuatannya sentiasa digeruni terutamanya apabila armadanya berada di kawasan yang dipertikaikan yang dikatakan wilayah kedaulatannya. Pemodenan tersebut juga merupakan suatu isyarat kepada beberapa negara jirannya, iaitu Vietnam, Filipina dan Jepun supaya menjauhi sempadan maritimnya. China mempunyai masalah persempadanan maritim dengan negara jiran tersebut. Contohnya China dan Vietnam mempunyai tuntutan wilayah di Kepulauan Paracel. Pada tahun 1974, China telah menduduki pulau tersebut dan membina kelengkapan ketenteraan termasuk pelabuhan serta landasan untuk helikopter mendarat. Sedangkan Vietnam mendakwa kawasan itu adalah miliknya berdasarkan kepada sejarah dan jarak (CFR, 2015). Pada tahun 2012, China bersengketa pula dengan Jepun kerana perebutan wilayah maritim di Kepulauan Senkaku yang mempunyai sumber minyak dan gas (Cronin & Dubel, 2013). Kesemua pertikaian akibat pertindihan sempadan dan tuntutan wilayah maritim mendorong pemodenan dan pemerkasaan tentera laut China.

Analisis kebangkitan dan pemodenan tentera laut China

Pemodenan aset ketenteraan laut China tidak hanya dilihat sebagai satu amalan biasa oleh kebanyakan negara kuasa besar dunia seperti AS, Jepun, Australia mahupun India. Terdapat banyak anggapan yang negatif serta laporan berat sebelah oleh kebanyakan media negara berkenaan berhubung isu ini. Ada beberapa faktor utama yang sering dikaitkan dengan isu pemodenan aset ketenteraan laut negara China. Faktor-faktor tersebut secara umumnya berkait rapat dengan hegemoni dan penguasaan unipolar China di rantau Asia. Perkara tersebut dibincangkan dalam bahagian yang berikut.

Hegemoni dan unipolar

Terdapat banyak artikel dan buku yang ditulis oleh pengarang terkenal seperti Christopher Layne, John Mearsheimer, T.X. Hammes dan Karsten von Hoesslin yang menyatakan bahawa pemerintah China cuba meningkatkan keupayaan ketenteraannya, terutama aset laut kerana berkeinginan untuk mengekalkan hegemoni dan unipolar kuasanya di Asia. Melalui usaha tersebut seolah-olah China mahu menjadi kuasa besar yang mungkin mampu menggantikan AS sebagai "Polis Dunia". Malah Alfred T. Mahan (1890) dipetik di dalam bukunya *The Influence of Sea Power upon History* melalui penyataannya:

"Whoever rules the waves rules the world"

(digitalhistory.uh.edu, 2012)

Di sebalik kecurigaan para penulis di atas, wujud persoalan, sejauh mana kemampuan China untuk mencapai hegemoni dan kuasa unipolar di Asia masa kini. Ini kerana kebanyakan penulis barat memberikan pendapat hanya berdasarkan kepada faktor luaran serta sejarah sesebuah negara dan tidak melihat kepada faktor dalaman negara berkenaan. Menurut Isezaki , Professor Hubungan Antarabangsa (China- Jepun), Tokyo University of Foreign Studies [26 Januari 2014], kebanyakan penulis barat cuba memberikan gambaran yang berat sebelah kepada China walhal kebangkitan dan pemodenan ketenteraan China adalah perkara biasa yang dilakukan oleh mana-mana negara di dunia. Malah Booth, Professor Hubungan Antarabangsa [20 Mac 2014] juga memberikan pendapat yang hampir sama, iaitu China tidak mungkin menjadi kuasa unipolar walaupun mereka mencuba untuk tempoh 10 tahun akan datang kerana kekangan dalaman. Ini menunjukkan bahawa persoalan tentang hegemoni penguasaan China sengaja dibesar-besarkan oleh negara barat untuk mewujudkan ketidak tenteraman serta perlumbaan untuk meningkatkan kuasa ketenteraan dalam kalangan negara di Asia. Negara kuasa besar sebenarnya mempunyai fobia masa silam yang menyebabkan mereka melihat China sebagai satu kuasa baharu yang mampu memberi saingan kepada mereka, sedangkan China sendiri sebenarnya belum bersedia ke arah itu.

Ideologi yang dipegang oleh China berkemungkinan besar merupakan satu masalah yang dibimbangi oleh banyak negara terutama AS (Friedberg, 2011). Perang dingin yang disebabkan oleh perbezaan ideologi antara dua blok negara-negara di dunia yang cenderung sama ada kepada sistem Kapitalis atau Sosialis, telah menyebabkan AS sebagai pendukung sistem Kapitalis dan penegak demokrasi dunia seolah-olah terancam. Jika pemodenan ketenteraan China bertujuan mahu mencapai hegemoni dan unipolar penguasaan di rantau Asia, mengapa AS membenarkan negara India, yang juga berpotensi untuk menjadi kuasa besar di Asia, memoden serta meningkatkan aset ketenteraan mereka. Oleh itu persoalan baharu timbul, sama ada negara kuasa besar dunia lebih bimbang kebangkitan China berkembang menjadi kuasa unipolar atau lebih bimbang kebangkitan ideologi Sosialis China pada masa akan datang.

Kuasa ketenteraan utama di Asia

Berdasarkan kepada bilangan dan jumlah anggota tentera negara China yang ramai, banyak kuasa besar beranggapan bahawa negara ini berkeupayaan untuk menghadapi serangan dari mana-mana negara dengan mudah. Ditambah dengan pemodenan aset ketenteraannya, menyerlahkan lagi anggapan tentang

keupayaan anggota tentera negara tersebut. Berikut merupakan perbandingan aset ketenteraan yang dimiliki China berbanding India dan Jepun (Jadual 2).

Jadual 2. Perbandingan sebahagian aset ketenteraan China, India dan Jepun tahun 2014

Negara/ Jenis	China	India	Jepun
Keluasan perairan	27,060 km	7,000 km	29,751 km
<i>Aircraft Carriers</i>	1	2	1
<i>Frigates</i>	45	15	0
<i>Destroyers</i>	24	11	45
<i>Corvettes</i>	9	24	0
<i>Submarines</i>	69	17	16
<i>Coastal Craft</i>	353	32	6
<i>Mine Warfare</i>	119	7	29

Sumber: globalfirepower.com (2014)

Jadual 2 menunjukkan sebahagian daripada aset ketenteraan laut China, India dan Jepun pada tahun 2014. Jika dilihat secara kasar, China berpotensi untuk menjadi kuasa maritim di Asia yang hebat dan digeruni berdasarkan kepada aset yang dimilikinya. Malah apabila penyelidikan dan pembangunan (R&D) dilakukan, China dilihat mampu untuk menjadi salah sebuah negara kuasa besar dunia. Jika dilihat kepada faktor keluasan perairan, jumlah aset yang dimiliki oleh Jepun adalah sangat sedikit berbanding China. Malah Jepun dilihat sangat bimbang dengan aset yang dimiliki oleh China terutama kerana China mempunyai *Guided Missile Destroyer* (Yoshihara & Holmes, 2012). Namun perlu dijelaskan di sini bahawa Jepun tidak boleh mempunyai angkatan laut disebabkan oleh perjanjian pertahanan bersama AS selepas Perang Dunia Kedua. Bagaimanapun AS telah menempatkan banyak asetnya di Okinawa Jepun sebagai bantuan kepada negara tersebut apabila timbul ancaman luar yang tidak diingini.

Sebagai sekutu rapat AS, India dan Jepun tidak seharusnya melihat pemodenan China sebagai satu ancaman kerana dengan kehadiran AS di Lautan Pasifik, sudah tentu bantuan ketenteraan akan tiba pada masa yang diperlukan. Malah pada Mac 2014, Jepun-AS telahpun mengumumkan akan menjalankan penyelidikan dan pembangunan (R&D) kapal bersama di bawah Perjanjian Bantuan Pertahanan Bersama-MDA (Cole, 2014). Menurut Tiezzi (2014), negara Asia yang banyak memberikan komen negatif terhadap pemodenan aset China sebenarnya adalah Jepun, Korea Selatan dan Filipina. Kesemua negara tersebut adalah sekutu AS. Ini menimbulkan persoalan, jika negara sekutu AS mendapat faedah yang banyak daripada kehadiran AS di Asia, adakah kebangkitan China mampu memberikan kesan buruk kepada negara tersebut? Sehubungan dengan hal ini Kapten James Fannell, seorang pegawai Tentera Laut AS yang berpengalaman di bahagian Pasifik dipetik sebagai berkata:

"[We] concluded that the People's Liberation Army (PLA) has been given the new task to be able to conduct a short, sharp war to destroy Japanese forces in the East China Sea ..."

(Fox News, 2014)

Berdasarkan kepada pernyataan tersebut jelas menunjukkan bahawa pihak tentera AS lebih takutkan kebangkitan ketenteraan laut China berbanding negara di Asia sendiri. Pernyataan sebegini sebenarnya merupakan pandangan yang berat sebelah terhadap China. Ini kerana persoalan mengapa AS sebagai negara yang sangat maju dari segi pertahanan perlu bimbangkan China sebagai pesaing sedangkan AS sendiri sedar bahawa negara tersebut masih belum mampu menandingi keupayaan aset serta kecekapan anggota tenteranya.

Seperti yang dibincangkan di atas, faktor ekonomi sebenarnya adalah lebih relevan untuk menjadi sebab utama China perlu bersedia di segenap ceruk wilayah miritim di dalam dan luar rantau Asia, iaitu untuk melindungi kapal-kapal dagangnya daripada ancaman lanun dan teroris lain. Ini kerana insiden yang berlaku di beberapa kawasan seperti di Teluk Aden dan Selat Melaka telah memberikan pengajaran kepada China supaya lebih bersedia terhadap sebarang kemungkinan. Malah aset ketenteraan China pada

abad ke-21 ini masih belum dibuktikan telah digunakan untuk tujuan peperangan. Sebaliknya China menggunakan asetnya untuk aktiviti membentras pelanunan dan misi kemanusiaan (USNI, 2014; MOD, 2014). Pada tempoh 2012- 2013, tentera laut China telah berada selama tujuh bulan di perairan Aden, Somalia untuk membantu misi membentras lanun (Zhu, 2014). Ini menunjukkan aset ketenteraan China, hingga kini, tidak ditujukan untuk aktiviti peperangan namun lebih banyak digunakan untuk aktiviti kemanusiaan dan keselamatan sejagat.

Jika dilihat kepada bilangan anggota dan aset tentera lautnya, sudah pasti banyak negara berfikir bahawa China memang mempunyai keupayaan untuk menawan negara lain jika mempunyai peluang. Sebagai negara yang mempunyai keluasan perairan 27,060 km persegi, tidak menjadi kesalahan untuk negara itu meningkatkan keupayaan angkatan lautnya. Ini kerana pada masa kini, jenayah maritim lebih bersifat moden dan canggih. Penjenayah menggunakan bot laju yang dilengkapi dengan pelbagai kemudahan dan bersenjata moden seperti Rifle dan M16. Oleh itu negara yang berkepentingan untuk menjaga keselamatan wilayah maritim juga perlu memodenkan tentera dan aset ketenteraannya. Tambahan lagi, walaupun bajet ketenteraan China agak tinggi tetapi ia bukanlah semata-mata pembelian untuk membeli aset ketenteraan sahaja. Bajet tentera laut China juga turut digunakan untuk beberapa aktiviti lain seperti untuk menampung kegunaan personel termasuk latihan, pemberian kemudahan dan perbelanjaan harian; bantuan kelengkapan dan peralatan bagi pembaikan aset, penyelidikan dan pembangunan (R&D), penstoran dan kelengkapan gudang; serta logistik (O'Rourke, 2014).

Berdasarkan kepada faktor dan rasional tentang pemodenan dan kebangkitan tentera laut China yang dianalisis di atas tadi, bolehlah dihujahkan di sini bahawa kemampuan China untuk muncul sebagai kuasa unipolar dengan hegemoni yang mampu mendominasi kawasan Asia sehingga memberikan impak kepada dunia, sebenarnya agak terbatas. Sebaliknya kebangkitan China sebagai kuasa ekonomi baharu dunia yang kini menikmati perkembangan dan pertumbuhan ekonomi yang pesat kerana negara itu mempunyai sumber buruh yang ramai lagi murah, selain pasaran domestik yang besar, lebih dapat diterima. Walaupun China mungkin mempunyai aset ketenteraan yang banyak dan moden namun keadaan ini masih belum membolehkannya mencapai status negara termaju. Untuk muncul sebagai kuasa unipolar dan hegemoni ketenteraan di dunia, China masih berdepan dengan pelbagai halangan.

Terdapat beberapa sebab yang menghalang negara China untuk menjadi kuasa hegemoni di dunia. Pertama, masalah dalaman negara itu sendiri. Sehingga Mac 2014, penduduk China berjumlah 1,363,560,000 orang (*World Population Statistics*, 2014). Kerajaan terpaksa memberikan perhatian yang lebih kepada jumlah rakyat yang ramai seperti membekalkan keperluan sumber makanan, infrastruktur, kemudahan kesihatan dan pendidikan. Di sebabkan China merupakan sebuah negara yang luas, banyak pembiayaan perlu disalurkan untuk membangunkan kawasan yang masih lagi mundur. Sejak 2001, kerajaan China memberikan tumpuan kepada usaha membangunkan kawasan pedalaman dengan memberi peruntukan yang lebih bagi membina jalan raya, bekalan elektrik dan sistem telekomunikasi. Langkah tersebut bertujuan untuk meningkatkan taraf ekonomi penduduk supaya lebih ramai yang berpendapatan sederhana, khususnya di wilayah pedalamannya. Peningkatan taraf hidup majoriti penduduk adalah satu strategi yang ampuh untuk mengurangkan risiko tentang dari dalam negara. Penglibatan yang terlalu banyak di arena antarabangsa kerana muahu menjadi kuasa hegemoni, boleh membebankan kewangan negara dan ini melambatkan kadar pembangunan sosial dan ekonomi domestik (Chen, 2014).

Kedua, setelah sejak berkurun terpaksa menempuh zaman peperangan (dinasti dan revolusi), rakyat China seakan-akan sudah muak untuk berperang dan hidup dalam suasana peperangan. Generasi muda China masa kini lebih berminat untuk melalui kehidupan yang lebih aman. Mereka seolah-olah tidak ingin meneruskan hegemoni ketenteraan masa lampau atau mempunyai cita-cita untuk menakluki serta berperang dengan negara lain. Rawski (2011) berpendapat China lebih berminat untuk mempromosikan pasaran global dan kerjasama ekonomi berbanding mewujudkan konflik terhadap negara lain. Ini terbukti melalui sejarah moden China yang terkini, walaupun berlaku beberapa siri peperangan di dunia namun China tidak pernah menunjukkan minat untuk melibatkan diri sebagai sekutu. Kerajaan China hanya menghantar pasukan penyelamat termasuk tentera yang lebih bermotifkan kemanusiaan bagi membantu mangsa yang terlibat. Walaupun China sering diprotes oleh beberapa negara kerana isu seperti tuntutan ke atas sempadan wilayah bertindih, khususnya kerana kehadiran tentera lautnya di wilayah

berkenaan, namun ia bukanlah satu alasan untuk mengatakan bahawa China bersedia untuk berperang atau mempunyai keinginan untuk berperang. Tindakan China membina kemudahan tentera atau menghadirkan tenteranya di kawasan tuntutan bertindih adalah suatu yang boleh dianggap lumrah. Ini kerana setiap negara mempunyai potensi dan akan mengambil tindakan yang sama jika berada dalam keadaan seperti China. Dalam sistemik antarabangsa yang dikatakan bersifat anarki dan realism, semua negara mempunyai keinginan untuk mengatasi negara lain. Persoalannya hanyalah, sejauh manakah tahap keinginan itu? Jika dengan mempamerkan aset ketenteraan di suatu kawasan dilihat sebagai suatu provokasi dan tindakan awal untuk melancarkan perang, apakah pula penjelasan bagi negara-negara lain terutama negara kuasa besar seperti AS, India dan Australia yang mempamerkan aset mereka? Adalah tidak adil untuk menyalahkan China sedangkan negara lain boleh melakukan hal serupa. Sepatutnya ia tidak menjadi isu kepada negara China.

Ketiga, keupayaan dan mobiliti tentera China itu sendiri. Pada masa ini, China mempunyai banyak aset ketenteraan laut sehingga menyebabkan timbulnya tanggapan negatif kepada banyak negara, apakah sebenarnya motif pemodenan dan penambahan aset itu? Tanggapan negatif ini sebenarnya boleh diatasi dengan memeriksa tahap kemodenan dan keupayaan aset yang dimiliki oleh China. Walaupun aset mereka dikatakan moden dan paling canggih, namun mobilitinya serta keupayaan sebenarnya untuk digunakan sewaktu peperangan masih belum terbukti. Ini kerana, berbanding AS, Russia, Britain dan Perancis, sejak melakukan pemodenan aset lautnya, China masih belum menggunakan pakai aset tersebut secara besar-besaran dalam konteks peperangan sebenar. Jadi, kemampuan aset yang dimiliki oleh China masih boleh dipertikaikan. Mungkin China juga membeli banyak aset dari Rusia namun China masih belum menunjukkan sebarang tanda mahu berperang dengan mana-mana negara. Kecekapan dan kredibiliti anggota pasukan laut China juga masih boleh dipersoalkan. Ini kerana tentera laut China di kurun ke-21 ini masih belum pernah menempa sebarang kejayaan sebagai armada yang terhandal seperti yang dilakukan tentera laut AS. Tidak ada sebarang bukti yang menunjukkan bahawa tentera laut China mempunyai tahap kemahiran mahupun keupayaan yang tinggi sehingga mampu mengatasi negara kuasa besar lain. Sehubungan ini Holmes (2012) berpendapat, untuk menjadi kuasa hegemoni dunia, tentera China masih memerlukan banyak kemahiran, selain tahap kesediaan anggota dan teknologi yang digunakan. Beliau berpendapat China belum bersedia ke arah itu. Malah Carpenter (2013) turut menambah bahawa kemampuan tentera laut China masih jauh di belakang jika dibandingkan dengan pasukan tentera negara maju seperti AS dan Britain. Kedua negara tersebut terbukti telah terlibat dengan peperangan dan telah menunjukkan bagaimana mereka menggunakan aset ketenteraan masing-masing untuk misi peperangan seperti di Afghanistan (2003) dan Iraq (2006).

Kesimpulan

Sebenarnya negara-negara kuasa besar seperti AS, Britain, India dan Jepun telah mencorakkan pelbagai persepsi negatif terhadap pemodenan aset ketenteraan laut China, seolah-olah negara lain di dunia tidak perlu melakukan pemodenan aset mereka. Pemodenan aset tentera laut China sebenarnya bukanlah suatu isu keselamatan bagi negara di rantau Asia Pasifik. Negara China moden tidak terlibat dengan peperangan. Mungkin saja berlaku sedikit krisis dengan beberapa negara kelautan jirannya kerana isu persempadanan yang bertindih seperti di Kepulauan Spratly, Scarborough Shoal dan Kepulauan Senkaku tetapi belum pernah berlaku konflik yang mencetuskan peperangan. Persepsi negatif yang telah dicipta oleh para penulis dan media barat sebenarnya telah memberikan anggapan yang tidak baik kepada negara China. Mengapa China perlu dilihat sebagai sebuah negara yang ingin menjadi kuasa unipolar ataupun kuasa tentera terhebat sedangkan banyak bukti yang menunjukkan bahawa negara China masih belum bersedia untuk ke arah itu. Jika alasan itu disandarkan kepada pengalaman sejarah, di mana pada masa lampau China adalah sebuah negara penakluk, negara lain juga pernah menjadi penakluk, malah skalanya lebih besar. Lebih daripada itu, kesan kemasuhan fizikal dan kemanusiaan yang disebabkan oleh penjajahan barat ke atas negara lain adalah jauh lebih serius berbanding dengan yang pernah dilakukan oleh China. Adalah tidak adil jika pemodenan aset ketenteraan China diberikan gambaran yang sangat

negatif oleh mana-mana negara kerana negara lain juga melakukan pemodenan aset ketenteraan yang sama. Walaupun kini China menikmati kemajuan ekonomi yang pesat, namun negara tersebut masih mempunyai banyak masalah dalam yang perlu diselesaikan serta diberi perhatian. Usaha tersebut lebih utama berbanding cita-cita untuk menjadi kuasa unipolar atau hegemoni tentera laut terpenting di Asia.

Rujukan

- Ahn B J (2004) *The Rise of China and the Future of East Asian Integration*. Asia-Pacific Review 11 (2).
- Carpenter TG (2013) China's Military Spending: No Cause for Panic. CATO.ORG.
- Chen S (2010) China's Self-Extrication from the "Malacca Dilemma" and Implications. *International Journal of Chinese Studies* 1 (1), 1-24.
- Chinese "blue water navy" in contrast - Zhu J [Cited 24/03/2014]. Available from: <http://www.ftchinese.com/story/001054813>.
- China's Double-Digit Defense Growth What It Means for a Peaceful Rise - Bitzinger RA [Cited 24/07/2015]. Available from: <https://www.foreignaffairs.com/articles/china/2015-03-19/chinas-double-digit-defense-growth>.
- Cordesman AH, Hess A, Yarosh NS (2013) *Chinese Military Modernization and Force Development A Western Perspective*. CSIS.
- Council of Foreign Relations. *China's Maritime Disputes*. [Cited 1/09/2015]. Available from: http://www.cfr.org/asia-and-pacific/chinas-maritime-disputes/p31345#!/?cid=otr-marketing_use-china_sea_InfoGuide.
- Chinese warship conducts humanitarian rescue drill. [Cited 24/03/2014]. Available from: http://eng.mod.gov.cn/ DefenseNews/2014-03/26/content_4500295.htm.
- Chinese Military Modernization and Force Development A Western Perspective. [Cited 24/03/2014]. Available from: <http://www.ftchinese.com/story/001055113/en>.
- China's military power an increasing threat to US, Pentagon official admits. [Cited 24/03/2014]. Available from: <http://www.scmp.com/news/china/article/1440794/china-boasts-defence-budget-122pc-after-warning-military-will-respond-if-1/>.
- China preps military for 'short, sharp war' with Japan, US Navy analyst says - Chiaramonte [Cited 23/03/2014]. Available from: <http://www.foxnews.com/world/2014/02/19/china-preps-military-for-short-sharp-war-with-japan-says-us-navy/>.
- Cronim R, Dubel Z (2013) *Maritime Security in East Asia: Boundary Disputes, Resources, and the Future of Regional Stability*. STIMSON, Washington D.C.
- Defense Studies. *China's Naval Modernization and Implications for the United States* - Murray C, Berglund A & Hsu K [Cited 24/03/2014]. Available from: <http://www.defensestudies.org/wp-contents/uploads/2009/10/ commission>.
- Department of Defense. *Military and Security Developments Involving the People's Republic of China 2015*. Washington D.C.
- Department of Defense (2007) *Annual Report to Congress: Military Power of the People's Republic of China*. Washington D.C.
- Digital History. *Alfred T. Mahan: The Influence of Sea Power upon History*. [Cited 23/03/2014]. Available from: http://www.digitalhistory.uh.edu/ disp_textbook_print.cfm?smtid=3&psid=4044.
- Document: *China's Naval Modernization*. United States Naval Institute. [Cited 24/03/2014]. Available from: <http://news.usni.org/2014/02/03/document-chinas-naval-modernization>.
- Energy Information Administration (2011) [Cited 4 April 2013]. Available from: <http://www.eia.gov/totalenergy/data/ annual/ pdf/aer.pdf>.
- Foreign Policy Research Institute. *The rise of China's economy* - Rawski TG [Cited 24/03/2014]. Available from: <http://www.fpri.org/footnotes/1606.201106.rawski.chineseeconomy.html>.
- Friedberg LA (2011) *Hegemony with Chinese Characteristics*. The National Interest.
- Jabatan Laut Malaysia. 2013. Statistik kapal 2001- 2012

- Lai NH (2007) *China's Oil Diplomacy: is it a global security threat?* Routledge Taylor, Francis Group **28** (3), 519 – 537.
- Monakaran S, Mohd Yahya Mohd Hussin, Fidlizan Muhammad, Azila Abdul Razak, Fatimah Salwa, Abdul Hadi (2015) *Peranan strategik hubungan dagang negara Islam dengan China: Bukti empirikal dari Malaysia*. Geografa-Malaysian Journal of Society and Space 11 (1), 13 – 23.
- O'Rourke R (2014) China Naval Modernization: Implications for U.S. Navy Capabilities—Background and Issues for Congress. CRS Report.
- Patel N (2009) The Strategic Environment of AS - Sino Relations. In: Denmark A, Patel N (eds) *China's Arrival: A strategic Framework for a Global Relationship*. Center for a New American Security.
- Pumphrey CW (ed) (2002) *The rise of China in Asia: Security Implications*. U.S. Army War College.
- Sabirin Ja'afar (2007) *International Law of the Sea and national Legislaion on Piracy and Terrorism in the Straits of Malacca: A Study in Law and Policy*. (PhD dissertation). University of Greenwich.
- The Diplomat. *The World Needs China's Leadership* - Chen D [Cited 24/03/2014]. Available from: <http://thediplomat.com/2014/03/the-world-needs-chinas-leadership/>.
- The Diplomat. *US, Japan to Jointly Develop Littoral Combat Ship* - Cole J M [Cited 24/03/2014] Available from: <http://thediplomat.com/2014/03/us-japan-to-jointly-develop-littoral-combat-ship/>.
- The Diplomat. *China's Growing Defense Budget: Not As Scary As You Think* - Tiezzi S [Cited 24/03/2014]. Available from: <http://thediplomat.com/2014/02/chinas-growing-defense-budget-not-as-scary-as-you-think/>.
- The Diplomat. *The Master 'PLAN': China's New Guided Missile Destroyer* - Yoshihara T & Holmes JR [Cited 24/03/2014]. Available from: <http://thediplomat.com/2012/09/the-master-plan-chinas-new-guided-missile-destroyer/>.
- The Diplomat. *Top 5 Things China's Navy Needs...To Be a Blue-water Navy*. Holmes J R [Artikel dalam internet] 24 Mac 2014 dicapai dari <http://thediplomat.com/2012/08/top-5-things-chinas-navy-needs-to-be-a-blue-water-navy/>
- The Diplomat. *Keeping China's Second Aircraft Carrier in Perspective* - Kazianis H. [Cited 22/03/2014]. Available from: <http://thediplomat.com/2013/08/keeping-chinas-second-aircraft-carrier-in-perspective/>.
- Umaña F (2012) *Threat Convergence Transnational Security Threats in the Straits of Malacca*. The Fund for Peace Transnational Threats, Washington D.C.
- Weitz GR (2008) Lloyd's of London as a transnational actor: Maritime security in The Malacca Straits since 9/11. (PhD dissertation). Cambridge University.
- Yu H T (2008) Chinese Foreign policy and Oil Security. *International Quaterly for Asian Studies* **39** (3-4).
- Zhou J (2008) Does China's Rise Threaten The United States? *Asian Perspective* **32** (3).